



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH

Bahasa Melayu

Sekolah Jenis Kebangsaan

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran

TAHUN 2



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH

Bahasa Melayu

Sekolah Jenis Kebangsaan

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran

TAHUN 2

Bahagian Pembangunan Kurikulum

APRIL 2016

Terbitan 2016

© Kementerian Pendidikan Malaysia

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, Aras 4-8, Blok E9, Parcel E, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya.

KANDUNGAN

Rukun Negara.....	v
Falsafah Pendidikan Kebangsaan.....	vi
Kurikulum Kebangsaan.....	vii
Kata Pengantar Pengarah	ix
Pendahuluan.....	1
Matlamat	2
Objektif	2
Kerangka Kurikulum Standard Sekolah Rendah.....	5
Fokus	6
Kemahiran Abad Ke-21.....	7
Kemahiran Berfikir Aras Tinggi.....	9
Strategi Pengajaran dan Pembelajaran	10
Elemen Merentas Kurikulum	16
Pentaksiran Sekolah	19
Organisasi Kandungan	23
Kemahiran Mendengar dan Bertutur.....	29
Kemahiran Membaca.....	31
Kemahiran Menulis.....	34
Aspek Seni Bahasa.....	37
Aspek Tatabahasa.....	38

Glosari	40
Panel Penggubal.....	44



RUKUN NEGARA

BAHAWASANYA Negara kita Malaysia mendukung cita-cita hendak:
Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya;
Memelihara satu cara hidup demokratik;
Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara
akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;
Menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi
kebudayaannya yang kaya dan berbagai corak;
Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan
sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
KELUHURAN PERLEMBAGAAN
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara”

Sumber: Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)

DEFINISI KURIKULUM KEBANGSAAN

3. Kurikulum Kebangsaan

(1) Kurikulum Kebangsaan ialah suatu program pendidikan yang termasuk kurikulum dan kegiatan kokurikulum yang merangkumi semua pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan untuk membantu perkembangan seseorang murid dengan sepenuhnya dari segi jasmani, rohani, mental dan emosi serta untuk menanam dan mempertingkatkan nilai moral yang diingini dan untuk menyampaikan pengetahuan.

Sumber:Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1996

[PU(A)531/97]

KATA PENGANTAR

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2011 telah disemak semula bagi memenuhi dasar baharu di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 agar kualiti kurikulum yang dilaksanakan di sekolah rendah setanding dengan standard antarabangsa. Kurikulum berasaskan standard yang menjadi amalan antarabangsa telah dijelmakan dalam KSSR menerusi penggubalan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) untuk semua mata pelajaran yang mengandungi Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi.

Usaha memasukkan Standard Prestasi di dalam dokumen kurikulum telah mengubah landskap sejarah sejak Kurikulum Kebangsaan dilaksanakan di bawah Sistem Pendidikan Kebangsaan. Menerusinya, murid dapat ditaksir secara berterusan untuk mengenal pasti tahap penguasaannya dalam sesuatu mata pelajaran, serta membolehkan guru membuat tindakan susulan bagi mempertingkatkan pencapaian murid.

DSKP yang dihasilkan telah menyepadukan enam tunjang Kerangka KSSR, mengintegrasikan pengetahuan,

kemahiran dan nilai, serta memasukkan secara eksplisit Kemahiran Abad Ke-21 dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Penyepaduan tersebut dilakukan untuk melahirkan insan seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani sebagaimana tuntutan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Bagi menjayakan pelaksanaan KSSR, pengajaran dan pembelajaran guru perlu memberi penekanan kepada KBAT dengan memberi fokus kepada pendekatan Pembelajaran Berasaskan Inkuiri dan Pembelajaran Berasaskan Projek supaya murid dapat menguasai kemahiran yang diperlukan dalam abad ke-21.

Kementerian Pendidikan Malaysia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penggubalan KSSR. Semoga pelaksanaan KSSR akan mencapai hasrat dan matlamat Sistem Pendidikan Kebangsaan.

Dr. SARIAH BINTI ABD. JALIL

Pengarah
Bahagian Pembangunan Kurikulum

PENDAHULUAN

Dunia pendidikan yang sangat dinamik dalam arus globalisasi menuntut perubahan dalam kurikulum. Seiringan dengan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia mengambil inisiatif menyemak dan melakukan penambahbaikan dalam kurikulum termasuklah Kurikulum Standard Bahasa Melayu yang turut melalui proses semakan dan penambahbaikan dalam penggubalannya. Standard Kurikulum Bahasa Melayu Sekolah Rendah yang mengandungi Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi yang didokumenkan sebagai Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Melayu. Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi ini merupakan pernyataan yang merangkumi pengetahuan, kemahiran dan nilai yang mesti dipelajari dan dikuasai oleh murid di sekolah rendah.

DSKP Bahasa Melayu Sekolah Rendah mengambil kira pendekatan pengajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan di Sekolah Kebangsaan dan di Sekolah Jenis Kebangsaan bagi menjunjung peranan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, bahasa perpaduan negara, bahasa ilmu dan bahasa pengantar di sekolah. Mata pelajaran Bahasa Melayu ini dijadikan pemangkin untuk memahami akal

budi, pemikiran dan sosiobudaya penuturnya ke arah melahirkan semangat cinta akan bahasa dan tanah air yang dikongsi bersama dalam satu wawasan demi memartabatkan bahasa Melayu.

Pada asasnya, pembinaan kerangka standard ini berdasarkan prinsip Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah. Kurikulum ini mengetengahkan pendekatan berbentuk modular dan pembelajaran secara didik hibur serta pentaksiran secara holistik bagi mencungkil potensi murid dalam penerokaan pelbagai bidang ilmu pengetahuan. Seterusnya, kurikulum ini membolehkan murid memperkembangkan dan menilai keupayaan serta penguasaan kemahiran bahasa mereka, serta mampu berkomunikasi menggunakan bahasa Melayu secara berkesan dan bertatasusila dalam semua urusan.

MATLAMAT

Standard Kurikulum Bahasa Melayu Sekolah Rendah digubal untuk membolehkan murid berketerampilan dalam berbahasa dan boleh berkomunikasi untuk memenuhi keperluan diri, memperoleh ilmu pengetahuan, kemahiran, maklumat, nilai dan idea serta hubungan sosial dalam kehidupan harian.

OBJEKTIF UMUM

Kurikulum Standard Sekolah Rendah mata pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah bertujuan membolehkan murid mencapai objektif berikut:

1. Memberikan respons berdasarkan arahan, pesanan, dan pertanyaan dengan betul.
2. Bercerita, berbincang dan mengemukakan pendapat tentang sesuatu perkara daripada pelbagai sumber secara bertatasusila.
3. Membaca dengan sebutan dan intonasi yang betul, memahami, dan menaakul maklumat tersurat dan tersirat daripada pelbagai sumber untuk memberikan respons dengan betul melalui pelbagai bahan bacaan bagi memperkaya kosa kata dan maklumat untuk memupuk minat membaca.
4. Mencatat, menulis, dan mengimlak untuk mengaplikasikan maklumat dengan menggunakan bahasa yang santun.
5. Menghasilkan pelbagai penulisan, mengedit, dan menulis ulasan.
6. Menghayati serta menghargai keindahan dan kesantunan bahasa dalam bahan sastera.
7. Menggunakan sistem bahasa yang betul dalam pertuturan, pembacaan, dan penulisan.
8. Menghargai dan mengamalkan nilai murni, bersikap positif, semangat patriotik, dan kewarganegaraan melalui aktiviti berbahasa.

Objektif Standard Kurikulum Bahasa Melayu Tahun 2

Kurikulum Standard Sekolah Rendah mata pelajaran Bahasa Melayu Tahun 2 bertujuan membolehkan murid mencapai objektif berikut:


1. Mendengar, memahami, dan menyebut frasa, ayat tunggal dan ayat majmuk serta membuat tafsiran terhadap soalan bertumpu dan bercapah, suruhan, pesanan dan permintaan dengan betul dan tepat.
2. Bertutur untuk menjelaskan sesuatu maklumat yang tersurat dan tersirat dengan menggunakan idea yang kritis dan kreatif secara bertatasusila mengikut konteks.
3. Membaca perkataan, ayat, perenggan dan petikan dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai.
4. Membaca, memahami dan mengenal pasti kosa kata, isi tersurat, isi tersirat dan menyatakan nilai daripada lagu kanak-kanak, cerita, pantun dan petikan.
5. Mempersembahkan lagu kanak-kanak, cerita, pantun dan petikan bukan sastera dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai.
6. Menyalin perkataan, ayat, perenggan dan petikan;
7. Membina dan menulis perkataan, frasa, ayat dan perenggan serta jawapan pemahaman yang bertumpu dan bercapah.
8. Menyusun dan mencatat maklumat yang bermakna tentang sesuatu perkara dan menulis perkataan, frasa dan ayat yang diimplakkan.
9. Menghasilkan penulisan naratif dan bukan naratif secara separa terkawal dan berpandu serta mengedit dan memurnikan hasil penulisan daripada aspek ejaan, tanda baca dan penggunaan kata.
10. Bercerita dan menuturkan cerita haiwan, cerita jenaka menggunakan simpulan bahasa dan bandingan semacam yang sesuai dan mempersembhkannya.
11. Melafazkan pantun nasihat dua kerat dan empat kerat dengan sebutan dan intonasi yang betul serta mengenal pasti ciri-ciri pantun seperti pembayang dan maksud, rima akhir dan jeda, format penulisan pantun serta dapat mencipta secara separa terkawal pantun dua kerat dan empat kerat serta mempersembhkannya secara kreatif.
12. Menyanyikan lagu kanak-kanak dan lagu rakyat dengan irama yang betul serta melakonkan aksi yang sesuai mengikut lirik dan mempersembhkannya.

13. Mengenal pasti penggunaan kata nama am, kata nama khas, kata ganti nama diri serta penjodoh bilangan mengikut konteks dengan betul.
14. Mengenal pasti penggunaan kata kerja aktif transitif, kata kerja pasif, kata adjektif sifat keadaan, warna, bentuk dan waktu mengikut konteks dengan betul.
15. Mengenal pasti penggunaan kata tugas seperti kata hubung, kata sendi nama, kata arah, kata tanya, kata perintah dan kata seru dengan betul.
16. Mengenal pasti penggunaan kata dasar, kata tunggal, kata berimbuhan awalan, kata majmuk dan kata ganda mengikut konteks dengan betul.
17. Mengaplikasi jenis dan bentuk ayat mengikut konteks dengan betul.

KERANGKA KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dibina berasaskan enam tunjang, iaitu Komunikasi; Kerohanian, Sikap dan Nilai; Kemanusiaan; Keterampilan Diri; Perkembangan Fizikal dan Estetika; serta Sains dan Teknologi. Enam tunjang tersebut merupakan domain utama yang menyokong antara satu sama lain dan disepadukan dengan pemikiran kritis, kreatif dan inovatif. Kesepaduan ini bertujuan membangunkan modal

insan yang menghayati nilai-nilai murni berteraskan keagamaan, berpengetahuan, berketerampilan, berpemikiran kritis dan kreatif serta inovatif sebagaimana yang digambarkan dalam Rajah 1. Kurikulum Bahasa Melayu digubal berdasarkan enam tunjang kerangka KSSR.



Rajah 1: Kerangka Kurikulum Standard Sekolah Rendah

FOKUS

Pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah rendah berfokus pada kemahiran literasi (konsep kembali kepada asas) dan aplikasi bahasa. Kemahiran asas literasi memberi penekanan kepada murid-murid Tahap I (Tahun 1, Tahun 2 dan Tahun 3) untuk menguasai sepenuhnya asas kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis serta dilaksana sepenuhnya dalam pengajaran dan pembelajaran (p&p) secara terancang.

Pada Tahap II (Tahun 4, Tahun 5 dan Tahun 6) pula, pembelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu memberi penekanan kepada pengukuhan literasi dan aplikasi kemahiran bahasa supaya mereka lebih berketerampilan berbahasa dalam bentuk lisan dan bertulis.

Melalui penguasaan kemahiran mendengar dan bertutur, murid dapat berkomunikasi dalam pelbagai situasi dengan lebih berkesan, manakala melalui kemahiran membaca, murid dapat meningkatkan kosa kata, memperoleh dan memproses maklumat serta dapat memupuk minat membaca. Penguasaan kemahiran menulis pula, murid dapat mengaplikasikan maklumat dalam pelbagai bentuk penulisan bagi menyampaikan idea mereka.

Fokus juga diberikan dalam penguasaan tatabahasa yang baik bagi membantu murid berkomunikasi dengan menggunakan sistem bahasa yang betul dan menghasilkan penulisan yang berkualiti dan kreatif. Manakala dalam aspek Seni Bahasa pula, murid dapat mengapresiasi keindahan bahasa Melayu melalui pelbagai teknik kemahiran bahasa yang santai dan menyeronokkan.

Penekanan aktiviti p&p dan penggunaan pelbagai bahan yang menarik secara didik hibur bagi semua kemahiran dan aspek ini dapat membantu murid menguasai dan menghayati pembelajaran bahasa dengan lebih berkesan.

KEMAHIRAN ABAD KE-21

Satu daripada hasrat KSSR adalah untuk melahirkan murid yang menguasai Kemahiran Abad ke-21 dengan memberi fokus kepada kemahiran berfikir serta kemahiran hidup dan kerjaya yang berteraskan amalan nilai murni. Kemahiran Abad Ke-21 bermatlamat untuk melahirkan murid yang mempunyai ciri-ciri yang dinyatakan dalam profil murid seperti dalam Jadual 1 supaya berupaya bersaing pada peringkat global. Penguasaan Standard Kandungan (SK) dan Standard Pembelajaran (SP) dalam kurikulum Bahasa Melayu Sekolah Rendah menyumbang kepada pemerolehan Kemahiran Abad ke-21 dalam kalangan murid.

Profil Murid Berasaskan SK dan SP Bahasa Melayu Sekolah Rendah

Jadual 1: Profil Murid

PROFIL MURID	PENERANGAN
Berdaya Tahan	Mereka mampu menghadapi dan mengatasi kesukaran, mengatasi cabaran dengan kebijaksanaan, keyakinan, toleransi, dan empati.
Mahir Berkomunikasi	Mereka menyuarakan dan meluahkan fikiran, idea dan maklumat dengan yakin dan kreatif secara lisan dan bertulis, menggunakan pelbagai media dan teknologi.
Pemikir	Mereka berfikir secara kritikal, kreatif dan inovatif; mampu untuk menangani masalah yang kompleks dan membuat keputusan yang beretika. Mereka berfikir tentang pembelajaran dan diri mereka sebagai pelajar. Mereka menjana soalan dan bersifat terbuka kepada perspektif, nilai dan tradisi individu dan masyarakat lain. Mereka berkeyakinan dan kreatif dalam menangani bidang pembelajaran yang baru.

PROFIL MURID	PENERANGAN
Kerja Sepasukan	Mereka boleh bekerjasama secara berkesan dan harmoni dengan orang lain. Mereka mampu menggalas tanggungjawab bersama-sama serta menghormati dan menghargai sumbangan yang diberikan oleh setiap ahli pasukan. Mereka memperoleh kemahiran interpersonal melalui aktiviti kolaboratif, dan ini menjadikan mereka seorang pemimpin dan ahli pasukan yang lebih baik.
Bersifat Ingin Tahu	Mereka membangunkan rasa ingin tahu semula jadi untuk meneroka strategi dan idea baru. Mereka mempelajari kemahiran yang diperlukan untuk menjalankan inkuiri dan penyelidikan, serta menunjukkan sifat berdikari dalam pembelajaran. Mereka dapat menikmati pengalaman pembelajaran sepanjang hayat secara berterusan.
Berprinsip	Mereka berintegriti dan jujur, kesamarataan, adil dan menghormati maruah individu, kumpulan dan komuniti. Mereka bertanggungjawab atas tindakan, akibat tindakan serta keputusan mereka.

PROFIL MURID	PENERANGAN
Bermaklumat	Mereka mendapatkan pengetahuan dan membentuk pemahaman yang luas dan seimbang merentasi pelbagai disiplin pengetahuan. Mereka meneroka pengetahuan dengan cekap dan berkesan dalam konteks isu tempatan dan global. Mereka memahami isu-isu etika / undang-undang berkaitan maklumat yang diperolehi.
Penyayang/ Prihatin	Mereka menunjukkan empati, belas kasihan dan rasa hormat terhadap keperluan dan perasaan orang lain. Mereka komited untuk berkhidmat kepada masyarakat dan memastikan kelestarian alam sekitar.
Patriotik	Mereka mempamerkan kasih sayang, sokongan dan rasa hormat terhadap negara.

KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dinyatakan dalam kurikulum secara eksplisit supaya guru dapat menterjemahkan dalam p&p bagi merangsang pemikiran berstruktur dan berfokus dalam kalangan murid. Penerangan KBAT adalah berfokus kepada empat tahap pemikiran seperti Jadual 2.

Jadual 2: Tahap pemikiran dalam KBAT

TAHAP PEMIKIRAN	PENERANGAN
Mengaplikasi	<ul style="list-style-type: none"> Menggunakan pengetahuan, kemahiran, dan nilai dalam situasi berlainan untuk melaksanakan sesuatu perkara
Menganalisis	<ul style="list-style-type: none"> Mencerakinkan maklumat kepada bahagian kecil untuk memahami dengan lebih mendalam serta hubung kait antara bahagian berkenaan
Menilai	<ul style="list-style-type: none"> Membuat pertimbangan dan keputusan menggunakan pengetahuan, pengalaman, kemahiran, dan nilai serta memberi justifikasi
Mencipta	<ul style="list-style-type: none"> Menghasilkan idea atau produk atau kaedah yang kreatif dan inovatif

KBAT ialah keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaaakulan dan refleksi

bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu. KBAT merangkumi kemahiran berfikir kritis, kreatif dan menaakul dan strategi berfikir.

Kemahiran berfikir kritis adalah kebolehan untuk menilai sesuatu idea secara logik dan rasional untuk membuat pertimbangan yang wajar dengan menggunakan alasan dan bukti yang munasabah.

Kemahiran berfikir kreatif adalah kemampuan untuk menghasilkan atau mencipta sesuatu yang baharu dan bernilai dengan menggunakan daya imaginasi secara asli serta berfikir tidak mengikut kelaziman.

Kemahiran menaakul adalah keupayaan individu membuat pertimbangan dan penilaian secara logik dan rasional.

Strategi berfikir merupakan cara berfikir yang berstruktur dan berfokus untuk menyelesaikan masalah.

KBAT boleh diaplikasikan dalam bilik darjah melalui aktiviti berbentuk menaakul, pembelajaran inkuiri, penyelesaian masalah dan projek. Guru dan murid perlu menggunakan alat

berfikir seperti peta pemikiran dan peta minda serta penyediaan aras tinggi untuk menggalakkan murid berfikir.

STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Dalam mencapai hasrat dan matlamat KSSR, strategi p&p Bahasa Melayu menggunakan pelbagai prinsip, teknik dan pendekatan untuk memenuhi konsep bersepadu dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Prinsip 5P

Strategi p&p Bahasa Melayu menekankan konsep 5P iaitu penggabungan, penyerapan, pengayaan, pemulihan dan penilaian. Ini selaras dengan usaha memenuhi konsep bersepadu dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Konsep 5P merupakan asas dalam proses p&p dalam KSSR. Melalui prinsip ini, murid dapat menyesuaikan maklumat dalam rangsangan serta menghasilkan satu pelajaran yang bersepadu dan menyeluruh seterusnya akan mengelakkan murid daripada berasa bosan sepanjang proses p&p dijalankan. Kemahiran bahasa dapat digabungkan, sama ada kemahiran mendengar dan bertutur, membaca, menulis, aspek seni bahasa atau tatabahasa yang terdapat dalam standard kandungan.

Selain itu, dalam p&p Bahasa Melayu juga, unsur ilmu, nilai murni dan kemahiran bernilai tambah boleh diserapkan. Penyerapan ini mengandungi pelbagai ilmu dan disiplin daripada mata pelajaran lain, nilai murni masyarakat Malaysia serta kemahiran berfikir, kemahiran menaakul dan kemahiran bahasa membolehkan murid menguasai kemahiran secara bersepadu menerusi pengalaman pembelajaran bahasa.

Penilaian yang dijalankan secara berterusan dalam proses p&p merupakan maklumat yang berguna bagi menentukan pencapaian sesuatu objektif p&p. Melalui proses penilaian ini segala kelemahan dapat dikenal pasti dan jenis tindakan susulan dapat diambil terhadap seseorang murid sama ada berbentuk pemulihan atau pengayaan.

Bagi memastikan semua murid menguasai kemahiran bahasa, aktiviti pemulihan dalam p&p harus disediakan untuk membantu murid menguasai kemahiran bahasa yang belum dapat dikuasai dalam tempoh yang ditetapkan. Bahan yang disediakan digunakan secara berperingkat-peringkat daripada yang mudah kepada yang sukar. Pelaksanaan aktiviti ini adalah mengikut kemampuan murid untuk menguasai sesuatu kemahiran.

Aktiviti pengayaan dalam p&p pula disediakan untuk memantapkan kebolehan, keupayaan, bakat dan minat murid. Murid diberikan bahan yang berbeza untuk digunakan secara bersendirian atau dengan bimbingan guru. Bahan dan aktiviti diberikan kepada murid yang telah menguasai kemahiran dalam jangka masa yang ditetapkan atau lebih awal daripada jangka masa yang ditentukan.

Penyelesaian Masalah

Penyelesaian masalah ialah aktiviti p&p yang melibatkan masalah berbentuk perkataan, masalah bukan mekanis, teka-teki, kuiz atau penggunaan kemahiran matematik dalam situasi sebenar. Murid perlu menggunakan kemahiran, prinsip dan teori yang telah mereka pelajari untuk menyelesaikan masalah yang diberikan. Kaedah ini menggalakkan murid berfikir secara kritis dan kreatif.

Pembelajaran Berasaskan Projek

Murid menggunakan maklumat lama dan baharu untuk menghasilkan sesuatu yang nyata. Kaedah ini melibatkan murid-murid mengkaji sesuatu isu, menyiasat dan mempersembahkan dapatannya. Hal ini juga dapat membantu

guru menilai perkembangan atau kualiti pembelajaran murid. Murid lebih bermotivasi kerana dapat menghasilkan sesuatu produk.

Pembelajaran Koperatif

Kaedah p&p pembelajaran koperatif dilaksanakan dalam kumpulan yang membolehkan murid belajar bersama-sama, saling belajar dan membantu antara satu sama lain untuk menyelesaikan sesuatu tugas. Ahli kumpulan bekerja, berkongsi idea, bahan dan peralatan untuk mencapai matlamat sendiri dan kumpulan. Pembelajaran koperatif ini dapat menghasilkan satu tugas kumpulan, di samping mewujudkan interaksi antara murid, kerjasama dan semangat berpasukan yang kuat.

Pembelajaran Kecerdasan Pelbagai

Pembelajaran Kecerdasan pelbagai dapat mengembangkan potensi kecerdasan, minat dan kecenderungan murid kerana setiap individu mempunyai kecerdasan dan kebolehan yang berbeza. Kecerdasan pelbagai merangkumi kecerdasan verbal linguistik, logik matematik, muzik, kinestetik, visual ruang, interpersonal, intrapersonal dan naturalis.

Pembelajaran Kontekstual

Pembelajaran kontekstual ialah kaedah pembelajaran yang mengaitkan isi pelajaran dengan pengalaman harian individu, masyarakat dan alam pekerjaan. Pembelajaran berlaku apabila murid berupaya menghubungkan pengetahuan baharu secara bermakna dan menghayati kerelevanan pembelajaran dalam kehidupan mereka.

Pembelajaran Konstruktivisme

Pembelajaran konstruktivisme dalam pendidikan dapat melahirkan murid yang berkeupayaan untuk membina pemahaman dan pengetahuan baharu mereka sendiri berdasarkan pengalaman sedia ada. Pembelajaran ini menjadikan murid lebih faham, yakin dan seronok belajar sepanjang hayat mereka.

Kemahiran Belajar Cara Belajar

Kemahiran belajar cara belajar perlu diajarkan kepada murid supaya mereka peka terhadap teknik pembelajaran yang berkesan. Penguasaan kemahiran ini membolehkan murid meningkatkan pengetahuan, cekap bertindak untuk menghadapi dunia yang sering berubah dan berkeupayaan mengamalkan pembelajaran seumur hidup.

Kajian Masa Depan

Kajian masa depan ialah satu pendekatan pengajaran untuk mendidik murid agar lebih prihatin terhadap sesuatu perkara atau isu yang berlaku pada masa lampau, masa ini dan masa depan. Hal ini bermakna, murid dapat membuat ramalan, menjangka akibat serta menangani perubahan supaya mereka mendapat manfaat yang maksimum.

Pembelajaran Akses Kendiri

Pembelajaran Akses Kendiri ialah satu program yang membolehkan murid belajar secara sendiri melalui penggunaan bahan pembelajaran. Murid diberi peluang memilih aktiviti, menilai hasil kerja dan memantau kemajuan mereka sendiri agar mereka bertanggungjawab dan berdikari terhadap pembelajaran mereka.

Pembelajaran Luar Bilik Darjah

Pembelajaran luar bilik darjah ialah aktiviti kurikulum yang dilaksanakan di luar bilik darjah secara terancang dan berstruktur serta berpusatkan murid. Kaedah ini dapat mengukuhkan pemahaman murid terhadap konsep yang dipelajari semasa di dalam bilik darjah, memberi pengalaman

pembelajaran dalam situasi yang sebenar, mengembangkan kemahiran sosial dan kerja berpasukan.

Pembelajaran Masteri

Pembelajaran ini memastikan semua murid menguasai hasil pembelajaran dalam sesuatu unit sebelum berpindah ke unit pembelajaran yang lain. Pembelajaran ini dipecahkan kepada unit yang lebih kecil untuk mudah dikuasai. Murid mesti menguasai 80 peratus aras masteri sebelum berpindah ke unit pembelajaran yang baharu.

Pembelajaran Berasaskan Inkuiri

Pembelajaran berasaskan inkuiri merupakan pendekatan p&p yang berpusatkan murid secara menyeluruh. Murid mencari dan menyelidiki sesuatu perkara atau peristiwa secara sistematik, kritis dan analitis sehingga dapat merumuskan jawapan kepada persoalan atau penemuannya sendiri dengan yakin. Guru berperanan sebagai fasilitator untuk membimbing proses penerokaan dan refleksi misalnya melalui aktiviti soal jawab. Ciri-ciri pembelajaran inkuiri berfokus pada hipotesis yang hendak diuji, sikap keterbukaan, penggunaan dan pengesahan fakta atau bukti dan rumusan.

Pendekatan Modular

Pendekatan modular bermaksud memecahkan kemahiran kepada unit-unit kecil yang dikenali sebagai modul. Kemahiran bahasa distrukturkan dengan menggunakan pendekatan modular untuk memastikan penguasaan kecekapan berbahasa yang baik. Tiga modul yang pertama berasaskan empat kemahiran iaitu kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Modul Seni Bahasa dan Modul Tatabahasa menyokong modul-modul kemahiran tersebut untuk mengukuhkan kecekapan berbahasa murid.

Pendekatan Berpusatkan Murid

Strategi p&p dalam mata pelajaran Bahasa Melayu haruslah berpusatkan murid bagi membolehkan mereka berinteraksi dan menguasai kemahiran belajar melalui pengalaman sendiri. Oleh itu, murid dapat membina keyakinan berbahasa.

Pendekatan Tematik

Pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu diajar berdasarkan tema. Ilmu daripada mata pelajaran dan disiplin lain lebih mudah diserapkan dan kosa kata bertambah serta dapat dikembangkan. Bagi tujuan ini, perancangan dan

penentuan tema pengajaran meliputi pelbagai bidang ilmu, hal persendirian dan isu kemasyarakatan, menghargai warisan, mencungkil daya kreativiti dan inovasi dalam diri murid serta isu-isu semasa.

Cakupan tema yang ditekankan adalah seperti yang berikut:

1. Kekeluargaan

Tema kekeluargaan merangkumi hubungan sesuatu keluarga yang melibatkan keluarga asas dan keluarga kembangan. Tema ini diajarkan kepada murid sekolah rendah agar menghargai dan menghormati setiap ahli keluarga.

2. Kemasyarakatan

Tema ini merujuk tanggungjawab individu dan kumpulan dalam kalangan pelbagai bangsa untuk mewujudkan keharmonian dan kepentingan hidup bersama. Tema ini sesuai diajarkan kepada murid sekolah rendah agar dapat melahirkan masyarakat yang berakhlak mulia, hormat-menghormati, bekerjasama dan bertanggungjawab.

3. Kesihatan dan kebersihan

Tema kesihatan dan kebersihan, merujuk kesempurnaan dari segi kesihatan fizikal, mental dan sosial. Tema ini

sesuai diajarkan kepada murid sekolah rendah agar mendapat pendedahan awal berkaitan penjagaan kebersihan dan kesihatan, dan amalan gaya hidup sihat.

4. Keselamatan

Tema keselamatan merujuk keupayaan murid melindungi diri daripada bahaya ketika berada dalam pelbagai persekitaran. Tema ini sesuai diajarkan kepada murid supaya dapat memberi kesedaran agar mengutamakan keselamatan.

5. Perpaduan

Tema perpaduan merujuk kepentingan hubungan erat yang terbentuk hasil daripada toleransi dalam kalangan penduduk Malaysia. Tema ini sesuai diajarkan kepada murid dalam usaha memupuk semangat perpaduan.

6. Kebudayaan, Kesenian dan Estetika

Tema kebudayaan, kesenian dan estetika merangkumi elemen budaya yang terdapat dalam masyarakat pelbagai kaum di Malaysia yang meliputi adat dan budaya. Tema ini sesuai diajarkan kepada murid agar kehalusan seni

budaya ini dapat dihayati oleh murid sebagai asas pembentukan jati diri warga Malaysia.

7. Jati diri, Patriotisme dan Kewarganegaraan

Tema jati diri, patriotisme dan kewarganegaraan merujuk kepada keupayaan murid menzahirkan keperibadian insan yang seimbang dari segi fizikal, mental, emosi dan rohani serta mempunyai semangat juang dan sanggup berkorban demi negara. Tema ini sesuai diajarkan kepada murid untuk melahirkan masyarakat madani yang mempunyai semangat kekitaan dan setia kepada negara

8. Sains, Teknologi dan Inovasi

Tema sains teknologi dan inovasi merujuk ilmu pengetahuan yang teratur atau sistematik yang boleh diuji, dibuktikan kebenarannya dan dapat menghasilkan sesuatu yang baharu. Tema ini sesuai diajarkan kepada murid agar dapat melahirkan insan yang berupaya menjana idea untuk menghasilkan sesuatu yang berinovasi.

9. Alam Sekitar dan Teknologi Hijau

Tema alam sekitar dan teknologi hijau merujuk keupayaan murid menjaga dan mengurus alam sekitar untuk kesejahteraan kehidupan manusia, haiwan serta tumbuhan bagi kelangsungan kehidupan generasi akan datang. Tema ini sesuai diajarkan agar murid cinta dan prihatin serta bertanggungjawab menjaga alam sekitar dan teknologi hijau.

10. Pertanian dan Penternakan

Tema pertanian dan penternakan memberi murid pendedahan perihal asas-asas pertanian dan penternakan secara tradisional dan moden. Tema ini sesuai diajarkan untuk memupuk kesedaran tentang kepentingan bidang bioteknologi pertanian dan penternakan dalam kehidupan.

11. Ekonomi, Keusahawanan dan Pengurusan Kewangan

Tema ekonomi memberi murid pendedahan perihal bidang perniagaan dan keusahawanan dalam menjana pendapatan dan pengurusan perdagangan, manakala pengurusan kewangan pula menekankan tentang

tanggungjawab dalam menguruskan kewangan dengan bijak. Tema ini dapat memupuk kesedaran tentang kepentingan bidang ekonomi, membudayakan sikap keusahawanan dan celik kewangan dalam kehidupan.

12. Integriti

Tema Integriti merujuk kepada prinsip berpegang teguh kepada kejujuran dan amalan bermoral tinggi, keselarasan antara tindakan dengan prinsip moral, etika dan undang-undang serta keselarasan antara kepentingan diri dengan kepentingan umum. Tema ini dapat memupuk kesedaran murid untuk bertindak mengikut lunas-lunas yang ditetapkan oleh agama dan moral agar menjadi masyarakat yang bertamadun demi kemajuan negara.

ELEMEN MERENTAS KURIKULUM

Elemen Merentas Kurikulum (EMK) ialah unsur nilai tambah yang diterapkan dalam proses p&p selain yang ditetapkan dalam standard kandungan. Elemen ini diterapkan bertujuan mengukuhkan kemahiran dan keterampilan modal insan yang

dihasarkan serta dapat menangani cabaran semasa dan masa hadapan. Elemen di dalam EMK adalah seperti berikut:

1. Bahasa

- Penggunaan bahasa pengantar yang betul perlu dititikberatkan dalam semua mata pelajaran.
- Semasa p&p bagi setiap mata pelajaran, aspek sebutan, struktur ayat, tatabahasa, istilah dan laras bahasa perlu diberi penekanan bagi membantu murid menyusun idea dan berkomunikasi secara berkesan.

2. Kelestarian Alam Sekitar

- Kesedaran mencintai dan menyayangi alam sekitar dalam jiwa murid perlu dipupuk melalui p&p semua mata pelajaran.
- Pengetahuan dan kesedaran terhadap alam sekitar dan kelestarian global penting dalam membentuk etika murid untuk menghargai alam dan kehidupan.

3. Nilai Murni

- Nilai murni diberi penekanan dalam semua mata pelajaran supaya murid sedar akan kepentingan dan mengamalkannya.

- Nilai murni merangkumi aspek kerohanian, kemanusiaan dan kewarganegaraan kebangsaan dan global yang menjadi amalan dalam kehidupan harian.

4. Sains dan Teknologi

- Menambahkan minat terhadap sains dan teknologi dapat meningkatkan literasi sains serta teknologi dalam kalangan murid.
- Penggunaan teknologi dalam pengajaran dapat membantu serta menyumbang kepada pembelajaran yang lebih cekap dan berkesan.
- Pengintegrasian Sains dan Teknologi dalam p&p merangkumi empat perkara iaitu:
 - (i) Pengetahuan sains dan teknologi (fakta, prinsip, konsep yang berkaitan dengan sains dan teknologi).
 - (ii) Kemahiran saintifik (proses pemikiran dan kemahiran manipulatif tertentu).
 - (iii) Sikap saintifik (seperti ketepatan, kejujuran, keselamatan).
 - (iv) Penggunaan teknologi dalam aktiviti p&p.

5. Patriotisme

- Semangat patriotik dapat dipupuk melalui semua mata pelajaran, aktiviti kokurikulum dan khidmat masyarakat.
- Semangat patriotik dapat melahirkan murid yang mempunyai semangat cintakan negara dan berbangga sebagai rakyat Malaysia.

6. Kreativiti dan Inovasi

- Kreativiti adalah kebolehan menggunakan imaginasi untuk mengumpul, mencerna dan menjana idea atau mencipta sesuatu yang baharu atau asli melalui ilham atau gabungan idea yang ada.
- Inovasi merupakan pengaplikasian kreativiti melalui ubah suaian, membaiki dan mempraktikkan idea.
- Kreativiti dan inovasi saling bergandingan dan perlu untuk memastikan pembangunan modal insan yang mampu menghadapi cabaran abad ke-21.
- Elemen kreativiti dan inovasi perlu diintegrasikan dalam p&p

7. Keusahawanan

- Penerapan elemen keusahawanan bertujuan membentuk ciri-ciri dan amalan keusahawanan sehingga menjadi satu budaya dalam kalangan murid.
- Ciri keusahawanan boleh diterapkan dalam p&p melalui aktiviti yang mampu memupuk sikap seperti rajin, jujur, amanah dan bertanggungjawab serta membangunkan minda kreatif dan inovatif untuk memacu idea ke pasaran.

8. Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK)

- Penerapan elemen TMK dalam p&p memastikan murid dapat mengaplikasi dan mengukuhkan pengetahuan dan kemahiran asas TMK yang dipelajari.
- Pengaplikasian TMK bukan sahaja mendorong murid menjadi kreatif malah menjadikan p&p lebih menarik dan menyeronokkan serta meningkatkan kualiti pembelajaran.
- TMK diintegrasikan mengikut kesesuaian topik yang hendak diajar dan sebagai pengupaya bagi

meningkatkan lagi kefahaman murid terhadap kandungan mata pelajaran.

9. Kelestarian Global

- Elemen Kelestarian Global bermatlamat melahirkan murid berdaya fikir lestari yang bersikap responsif terhadap persekitaran dalam kehidupan harian dengan mengaplikasi pengetahuan, kemahiran dan nilai yang diperolehi melalui elemen Penggunaan dan Pengeluaran Lestari, Kewarganegaraan Global dan Perpaduan.
- Elemen Kelestarian Global penting dalam menyediakan murid bagi menghadapi cabaran dan isu semasa peringkat tempatan, negara dan global.
- Elemen ini diajar secara langsung dan secara sisipan dalam mata pelajaran yang berkaitan.

10. Pendidikan Kewangan

- Penerapan elemen Pendidikan Kewangan bertujuan membentuk generasi masa hadapan yang berkeupayaan membuat keputusan kewangan yang bijak, mengamalkan pengurusan kewangan yang beretika

serta berkemahiran menguruskan hal ehwal kewangan secara bertanggungjawab.

- Elemen Pendidikan Kewangan boleh diterapkan dalam p&p secara langsung ataupun secara sisipan. Penerapan secara langsung adalah melalui tajuk seperti wang yang mengandungi elemen kewangan secara eksplisit seperti pengiraan faedah mudah dan faedah kompaun. Penerapan secara sisipan pula diintegrasikan melalui tajuk-tajuk lain merentas kurikulum. Pendedahan kepada pengurusan kewangan dalam kehidupan sebenar adalah penting bagi menyediakan murid dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dapat diaplikasikan secara berkesan dan bermakna.

PENTAKSIRAN SEKOLAH

Pentaksiran Sekolah (PS) adalah sebahagian daripada pendekatan pentaksiran yang merupakan satu proses mendapatkan maklumat tentang perkembangan murid yang dirancang, dilaksana dan dilapor oleh guru yang berkenaan. Proses ini berlaku berterusan sama ada secara formal dan tidak formal supaya guru dapat menentukan tahap penguasaan sebenar murid. PS perlu dilaksanakan secara holistik

berdasarkan prinsip inklusif, autentik dan setempat (*localised*). Maklumat yang diperoleh dari PS akan digunakan oleh pentadbir, guru, ibu bapa dan murid dalam merancang tindakan susulan ke arah peningkatan perkembangan pembelajaran murid.

PS boleh dilaksanakan oleh guru secara formatif dan sumatif. Pentaksiran secara formatif dilaksanakan seiring dengan proses p&p, manakala pentaksiran secara sumatif dilaksanakan pada akhir suatu unit pembelajaran, penggal, semester atau tahun. Dalam melaksanakan PS, guru perlu merancang, membina item, mentadbir, memeriksa, merekod dan melapor tahap penguasaan murid dalam mata pelajaran yang diajar berdasarkan DSKP.

Pentaksiran sekolah berperanan mengukuhkan pembelajaran murid dan meningkatkan pengajaran guru, serta mampu memberi maklumat yang sah tentang apa yang telah dilaksanakan atau dicapai dalam satu-satu proses p&p.

Pentaksiran Sekolah amat penting untuk menentukan keberkesanan guru dan pihak sekolah dalam usaha menghasilkan insan yang harmoni dan seimbang. PS merupakan aktiviti yang berterusan yang memerlukan

komitmen yang tinggi serta hala tuju yang jelas daripada guru dan pihak sekolah untuk memperkembang potensi setiap murid ke tahap maksimum.

PS mempunyai ciri-ciri berikut:

1. Holistik iaitu mampu memberi maklumat keseluruhan tentang pencapaian pengetahuan dan kemahiran serta pengamalan nilai murni.
2. Berterusan iaitu aktiviti pentaksiran berjalan seiring dengan p&p.
3. Fleksibel iaitu kaedah pentaksiran yang pelbagai mengikut kesesuaian dan kesediaan murid.
4. Berdasarkan standard kurikulum.
5. Pelaksanaan Pentaksiran Secara;
 - Pentaksiran formatif yang dijalankan seiring dengan proses p&p; dan
 - Pentaksiran sumatif yang dijalankan pada akhir unit pembelajaran, semester atau tahun.

Pentaksiran Rujukan Standard

Pentaksiran rujukan standard merupakan proses mendapatkan maklumat tentang sejauh mana murid tahu, faham dan boleh buat atau telah menguasai apa yang dipelajari berdasarkan

pernyataan standard prestasi yang ditetapkan mengikut tahap-tahap pencapaian seperti yang dihasratkan dalam dokumen kurikulum. Pentaksiran Rujukan Standard tidak membandingkan pencapaian seseorang murid dengan murid lain tetapi melaporkan prestasi murid dalam pembelajaran dengan menerangkan tentang kemajuan dan pertumbuhan murid dalam pembelajaran merujuk kepada pernyataan standard. Murid-murid dinilai secara adil dan saksama sebagai individu dalam masyarakat berdasarkan keupayaan, kebolehan, bakat, kemahiran dan potensi diri tanpa dibandingkan dengan individu lain. Pihak sekolah mampu mendapatkan maklum balas yang lengkap dalam bentuk data kualitatif dan kuantitatif yang merangkumi segala aspek tentang diri seseorang murid itu bagi membolehkan pihak yang bertanggungjawab mengenali, memahami, menghargai, mengiktiraf dan memuliakan anak didik sebagai insan yang berguna, penting dan mempunyai potensi untuk menyumbang kepada pembangunan negara dan bangsa mengikut keupayaan dan kebolehan masing-masing.

Standard Prestasi

Standard Prestasi ialah pernyataan tentang tahap perkembangan pembelajaran murid yang diukur berdasarkan

standard dan menunjukkan tahap penguasaan murid dalam perkembangan atau kemajuan pembelajarannya. Perkembangan dalam standard itu terbahagi kepada dua, iaitu perkembangan secara mendatar (konstruk) dan perkembangan menegak (Tahap Penguasaan). Pertumbuhan murid dijelaskan dengan satu atau lebih *qualifier* menggunakan perkataan atau rangkaian kata yang betul menggambarkan standard dalam bentuk hasil pembelajaran. Standard Prestasi dibina sebagai panduan untuk guru menambah baik PS sejajar dengan pelaksanaan Pentaksiran Rujukan Standard.

Tahap Penguasaan

Tahap Penguasaan adalah untuk menunjukkan tanda aras tertentu yang disusun secara hieraki digunakan bagi tujuan pelaporan individu berdasarkan kelompok standard. Tahap penguasaan ini menandakan pencapaian murid berdasarkan kemahiran bahasa secara keseluruhan merujuk pernyataan standard dalam DSKP Bahasa Melayu KSSR manakala tahap penguasaan keseluruhan kemahiran bahasa ditentukan secara pertimbangan profesional dan kebijaksanaan guru melalui pelbagai kaedah seperti pemerhatian, latihan, pembentangan, respons murid, kerja projek berkumpulan dan sebagainya.

Standard Prestasi Umum Kurikulum Standard Bahasa Melayu KSSR yang merentas kemahiran bahasa dihuraikan dalam Jadual 3 berikut:

Jadual 3: Tahap Penguasaan dan Tafsiran Umum Bahasa Melayu Sekolah Rendah

TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1 Sangat Terhad	Murid mempamerkan tahap pengetahuan bahasa dan kecekapan berbahasa yang sangat lemah, sangat terhad dan memerlukan banyak bimbingan, panduan dan latihan dalam kemahiran bahasa.
2 Terhad	Murid mempamerkan tahap pengetahuan bahasa dan kecekapan berbahasa yang lemah, terhad dan memerlukan sedikit bimbingan, panduan, dan latihan dalam kemahiran bahasa.
3 Memuaskan	Murid berupaya mempamerkan tahap pengetahuan bahasa dan kecekapan berbahasa yang sedehana dan berupaya mengungkapkan idea serta menguasai kemahiran berfikir yang asas tanpa bimbingan dalam kemahiran bahasa.

TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
4 Baik	Murid berupaya mempamerkan tahap pengetahuan bahasa dan kecekapan berbahasa yang baik , dapat mengaplikasikan pengetahuan bahasa dengan berkesan , berupaya mengungkapkan idea, menguasai kemahiran berfikir yang kritis, dan mengamalkan pembelajaran sendiri secara minimum dalam kemahiran bahasa.
5 Sangat Baik	Murid berupaya mempamerkan tahap pengetahuan bahasa dan kecekapan berbahasa yang tinggi , berupaya mengungkapkan idea dengan jelas dan terperinci, berkomunikasi secara efektif , mengaplikasikan pengetahuan bahasa yang lebih kompleks , menguasai kemahiran berfikir yang kritis dan kreatif , serta mengamalkan pembelajaran secara kendiri dalam kemahiran bahasa.
6 Cemerlang	Murid berupaya mempamerkan tahap pengetahuan bahasa dan kecekapan berbahasa yang cemerlang dan konsisten , berupaya mengungkapkan idea dengan jelas, terperinci dan tersusun , menguasai kemahiran berfikir

TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
	yang kritis, kreatif dan inovatif , berkomunikasi secara efektif dan penuh keyakinan , mengamalkan pembelajaran secara kendiri serta menjadi model teladan kepada murid yang lain dalam kemahiran bahasa.

Semua guru Bahasa Melayu perlu melaksanakan proses p&p dalam bilik darjah dengan merujuk kepada SK dan SP. Kebijaksanaan guru perlu ada bagi menentukan proses p&p dilaksanakan secara berkesan dan bersesuaian. Dalam keadaan yang sama, guru perlu mentaksir keupayaan murid dan menentukan tahap penguasaannya berdasarkan senarai standard prestasi dalam kelompok yang telah disusun. Guru seharusnya memberikan peluang kepada setiap muridnya mencapai tahap keupayaan yang lebih baik dengan melaksanakan proses bimbingan dan pengukuhan.

ORGANISASI KANDUNGAN

Standard Kurikulum Bahasa Melayu Sekolah Rendah digubal dengan memberikan penekanan pada SK dan SP yang perlu diketahui dan boleh dilakukan oleh murid. SK dan SP ini berpaksikan kemahiran bahasa dan sistem bahasa yang disokong oleh elemen Pengisian Kurikulum. Standard ini digubal dalam bentuk pernyataan SK dan SP yang perlu dikuasai oleh murid. Standard ini dipersembahkan dalam bentuk modular yang dibahagikan kepada bahagian dan unit yang mengandungi elemen pengetahuan, kemahiran, nilai murni, kreativiti dan inovasi yang perlu dikuasai oleh murid.

Standard Kandungan

Pernyataan tentang bidang ilmu yang patut diketahui dan dapat dilakukan oleh murid dalam suatu tempoh persekolahan yang merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai.

Standard Pembelajaran

Pernyataan tentang penetapan kriteria untuk memastikan kualiti pembelajaran dan pencapaian murid bagi setiap standard kandungan.

Standard Prestasi

Suatu set kriteria umum yang menunjukkan tahap-tahap prestasi yang perlu murid pamerkan sebagai tanda bahawa sesuatu perkara itu telah dikuasai murid (*indicator of success*) Ketiga-tiga standard ini ditunjukkan dalam organisasi kandungan seperti dalam jadual 8.

Kemahiran Bahasa

Kemahiran bahasa merupakan teras kepada Standard Kurikulum Bahasa Melayu. Kemahiran bahasa ini diorganisasikan dalam lima modul kemahiran bahasa:

1. Modul Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Modul Kemahiran Mendengar dan Bertutur memberi penekanan pada kemahiran mendengar dan bertutur. Kemahiran mendengar merujuk pada keupayaan murid mendengar dengan teliti, memahami dan menghayati secara lisan perkara yang didengar dalam pelbagai situasi pengucapan, serta dapat memberikan respons. Kemahiran bertutur pula merujuk keupayaan murid berkomunikasi untuk menjalin hubungan dan menyampaikan maklumat, pendapat, perasaan serta idea yang kreatif dan kritis dengan sebutan dan intonasi yang betul secara sopan dan

bertatasusila. Penggunaan tatabahasa yang betul diberikan penekanan dalam kemahiran bertutur.

2. Modul Kemahiran Membaca

Modul Kemahiran Membaca memberikan tumpuan pada kemahiran membaca. Kemahiran membaca merujuk keupayaan murid membaca dengan sebutan, intonasi, jeda, dan kelancaran yang betul. Penekanan perlu diberikan pada aspek pemahaman dan penaakulan pelbagai bahan secara kritis dengan menggunakan teknik-teknik membaca. Di samping itu, melalui modul kemahiran membaca murid juga berupaya menghayati teks yang dibaca.

3. Modul Kemahiran Menulis

Modul Kemahiran Menulis pula berfokuskan kemahiran menulis. Kemahiran menulis merujuk keupayaan murid menulis perkataan dan melahirkan idea melalui pelbagai jenis penulisan yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman peribadi yang telah dilalui. Penekanan perlu diberikan pada penggunaan ayat yang gramatis, tanda baca dan ejaan yang betul, serta tulisan yang jelas dan kemas. Murid juga digalakkan menggunakan kreativiti mereka untuk menghasilkan penulisan berunsur

pengetahuan dan imaginasi. Penguasaan kemahiran bahasa ini diperoleh melalui situasi dan konteks dalam pelbagai bahan prosa, puisi dan grafik.

4. Modul Seni Bahasa

Modul Seni Bahasa merujuk aspek kebahasaan, keindahan dan kehalusan dalam bahasa Melayu yang perlu difahami dan dikuasai oleh murid. Penguasaan aspek seni bahasa merangkumi kecekapan memahami, mengungkap dan menghayati bahasa yang indah. Melalui pembelajaran modul ini, murid menghasilkan dan mempersembahkan karya kreatif pelbagai genre secara lisan dan bertulis melalui variasi teknik yang menarik. Aspek seni bahasa juga menzahirkan pembelajaran yang menyeronokkan secara didik hibur.

1. Modul Tatabahasa

Modul Tatabahasa merujuk aspek morfologi dan sintaksis bahasa Melayu yang perlu difahami dan dikuasai oleh murid. Aspek ini perlu diajarkan dan dilaksanakan melalui pengajaran yang terancang dengan teknik yang sesuai dan berkesan supaya murid memahami dan menggunakan tatabahasa dengan betul dan tepat dalam pelbagai konteks

secara lisan dan bertulis.

Sistem Bahasa

Sistem bahasa terdiri daripada tatabahasa, sistem ejaan, sebutan dan intonasi, kosa kata dan peribahasa. Pelaksanaan sistem bahasa dalam p&p Bahasa Melayu membolehkan murid menggunakan dan mengamalkan bahasa Melayu baku. Penerangan bagi perkara tersebut dinyatakan di bawah ini;

1. Tatabahasa

Kandungan tatabahasa terdiri daripada morfologi dan sintaksis;

1.1 Morfologi ialah bidang ilmu bahasa yang mengkaji struktur, bentuk dan golongan kata. Struktur kata ialah susunan bentuk bunyi ujaran atau lambang (tulisan) yang menjadi unit bahasa yang bermakna. Bentuk kata pula ialah unit tatabahasa sama ada bentuk tunggal atau hasil daripada proses pengimbuhan, pemajmukan dan penggandaan. Golongan kata pula ialah proses menjeniskan perkataan berdasarkan keserupaan bentuk atau fungsi dengan anggota yang lain dalam golongan yang sama.

1.1.1 Struktur kata merujuk pada pola suku kata

bagi:

- (i) kata asli bahasa Melayu
- (ii) kata pinjaman bahasa Melayu

1.1.2 Bentuk kata terdiri daripada:

- (i) kata terbitan
- (ii) kata ganda
- (iii) kata majmuk

1.1.3 Proses pembentukan kata meliputi:

- (i) pengimbuhan
- (ii) penggandaan
- (iii) pemajmukan

Antara ketiga-tiga proses pembentukan kata yang amat kompleks ialah pengimbuhan. Oleh itu, penekanan hendaklah diberikan pada aspek penggunaan imbuhan yang betul dari segi bentuk dan makna termasuk aspek baharu dalam proses pengimbuhan.

1.1.4 Golongan kata terdiri daripada:

- (i) kata nama
- (ii) kata kerja
- (iii) kata adjektif
- (iv) kata tugas

1.2 Sintaksis ialah bidang ilmu bahasa yang mengkaji bentuk, struktur dan binaan ayat. Hal ini bermakna, bidang sintaksis ialah kajian tentang hukum atau rumus tata bahasa yang mendasari kaedah penggabungan dan penyusunan perkataan atau kelompok perkataan untuk membentuk ayat. Aspek sintaksis yang diberikan tumpuan adalah seperti yang berikut:

- 1.2.1 Unsur utama yang terdiri daripada kata, frasa, klausa dan aspek pembinaannya serta pembahagian subjek dan predikat.
- 1.2.2 Jenis ayat iaitu ayat penyata, ayat tanya, ayat perintah dan ayat seruan.
- 1.2.3 Ragam ayat iaitu ayat aktif dan ayat pasif.
- 1.2.4 Susunan ayat, iaitu susunan biasa dan songsang
- 1.2.5 Binaan ayat;
 - (i) ayat dasar
 - (ii) ayat tunggal
 - (iii) ayat terbitan atau ayat majmuk
- 1.2.6 Proses ayat terbitan:
 - (i) proses penggantian
 - (ii) proses pengguguran
 - (iii) proses peluasan

1. Sistem Ejaan

Tanda baca penting dikuasai dalam komunikasi tulisan untuk memastikan keselarasan dan juga makna yang tepat. Misalnya, koma dan tanda noktah mewakili hentian dalam pertuturan. Penggunaan tanda baca yang betul dapat mewakili intonasi dalam bacaan dan penulisan. Perkara yang diberikan penekanan ialah:

- (i) pola keselarasan huruf vokal
- (ii) ejaan kata pinjaman
- (iii) ejaan kata dasar dan kata terbitan

2. Sebutan dan Intonasi

Sebutan dan intonasi diajarkan supaya murid dapat menyebut perkataan dan ayat dengan betul serta memahami intonasi dan jeda. Kemahiran yang ditekankan ialah kebolehan mengenal pasti dan membezakan pelbagai aspek dalam sebutan dan intonasi supaya murid dapat menyampaikan maksud dengan tepat. Sebutan diajarkan supaya murid dapat menyebut sesuatu kata dengan betul. Sebutan bahasa Melayu yang diajarkan di sekolah hendaklah menggunakan sebutan bahasa Melayu baku. Ayat

bahasa Melayu yang betul hendaklah diajarkan mengikut pola yang berikut:

- (i) ayat penyata
- (ii) ayat tanya
- (iii) ayat perintah
- (iv) ayat seruan
- (v) ayat songsang
- (vi) ayat aktif
- (vii) ayat pasif

3. Kosa Kata

Kosa kata terdiri daripada kata umum dan istilah. Penguasaan kosa kata perlu ditingkat dan dikembangkan agar murid dapat mengungkap maklumat dan buah fikiran selaras dengan penambahan ilmu dalam mata pelajaran yang dipelajari pada peringkat sekolah rendah.

4. Peribahasa

Peribahasa merangkumi simpulan bahasa, perumpamaan, pepatah, bidalan, perbilangan dan kata-kata hikmat perlu diajarkan dalam mata pelajaran

Bahasa Melayu. Pemilihan peribahasa hendaklah mengutamakan falsafah, keperibadian, dan nilai murni masyarakat Malaysia yang berbilang kaum.

STANDARD KANDUNGAN, STANDARD PEMBELAJARAN DAN STANDARD PRESTASI

Jadual 4 Organisasi DSKP

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI
<p>Penyataan spesifik tentang perkara yang murid patut ketahui dan boleh lakukan dalam suatu tempoh persekolahan merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai.</p>	<p>Suatu penetapan kriteria atau indikator kualiti pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur bagi setiap standard kandungan.</p>	<p>Suatu set kriteria umum yang menunjukkan tahap-tahap prestasi yang perlu murid pamerkan sebagai tanda bahawa sesuatu perkara itu telah dikuasai murid (<i>indicator of success</i>)</p>

1.0 KEMAHIRAN MENDENGAR DAN BERTUTUR

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
1.1 Mendengar dan memberikan respons	Murid boleh: 1.1.1 Mendengar, mengecam, memahami dan menyebut; (i) frasa (ii) ayat tunggal (iii) ayat majmuk dengan betul dan tepat
	1.1.2 Mendengar, memahami, dan memberikan respons terhadap; (i) soalan (ii) suruhan (iii) pesanan (iv) permintaan
	1.1.3 Mendengar, dan memberikan respons dengan membuat tafsiran terhadap; (i) soalan bercapah (ii) pesanan
1.2 Bertutur untuk menyampaikan maklumat dan idea bagi pelbagai tujuan	1.2.1 Bertutur untuk menjelaskan sesuatu perkara secara bertatasusila mengikut konteks.
	1.2.2 Bertutur dan menjelaskan maklumat yang tersurat dan tersirat dengan menggunakan idea yang kritis dan kreatif

STANDARD PRESTASI KEMAHIRAN MENDENGAR DAN BERTUTUR	
TAHAP PENGUASAAN	PENYATAAN
1	Memberikan respons terhadap pelbagai soalan, suruhan, pesanan, permintaan serta menyampaikan maklumat dan idea yang kritis dan kreatif secara bertatasusila pada tahap sangat terhad.
2	Memberikan respons terhadap pelbagai soalan, suruhan, pesanan, permintaan serta menyampaikan maklumat dan idea yang kritis dan kreatif secara bertatasusila pada tahap terhad.
3	Memberikan respons terhadap pelbagai soalan, suruhan, pesanan, permintaan serta menyampaikan maklumat dan idea yang kritis dan kreatif secara bertatasusila pada tahap memuaskan.
4	Memberikan respons terhadap pelbagai soalan, suruhan, pesanan, permintaan serta menyampaikan maklumat dan idea yang kritis dan kreatif secara bertatasusila pada tahap kukuh.
5	Memberikan respons terhadap pelbagai soalan, suruhan, pesanan, permintaan serta menyampaikan maklumat dan idea yang kritis dan kreatif secara bertatasusila pada tahap terperinci.
6	Memberikan respons terhadap pelbagai soalan, suruhan, pesanan, permintaan serta menyampaikan maklumat dan idea yang kritis dan kreatif secara bertatasusila pada tahap sangat terperinci, konsisten, dan menjadi model teladan.

2.0 KEMAHIRAN MEMBACA

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
2.1 Asas membaca dan memahami	<p>Murid boleh:</p> <p>2.1.1 Membaca dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai;</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) perkataan (ii) ayat (iii) perenggan (iv) petikan <p>2.1.2 Membaca dan memahami;</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) perkataan (ii) ayat (iii) perenggan (iv) petikan
2.2 Membaca, memahami, dan menaakul bahan grafik dan bukan grafik	<p>2.2.1 Membaca, memahami dan mengenal pasti</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) kosa kata (ii) isi tersurat (iii) isi tersirat
2.3 Membaca dan mengapresiasi karya sastra dan bukan sastra	<p>2.3.1 Membaca, mengenal pasti dan menyatakan nilai daripada bahan sastra dan bahan bukan sastra;</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) lagu kanak-kanak (ii) cerita (iii) pantun (iv) petikan

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
	2.3.2 Membaca dan mempersembahkan karya sastera dan bukan sastera dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai; (i) lagu kanak-kanak (ii) cerita (iii) pantun (iv) petikan bukan sastera

STANDARD PRESTASI KEMAHIRAN MEMBACA	
TAHAP PENGUASAAN	PENYATAAN
1	Membaca, memahami kandungan dan mengenal pasti nilai dalam bahan sastera dan bahan bukan sastera serta mempersembahkan karya sastera pada tahap sangat terhad.
2	Membaca, memahami kandungan dan mengenal pasti nilai dalam bahan sastera dan bahan bukan sastera serta mempersembahkan karya sastera pada tahap terhad.
3	Membaca, memahami kandungan dan mengenal pasti nilai dalam bahan sastera dan bahan bukan sastera serta mempersembahkan karya sastera pada tahap memuaskan.
4	Membaca, memahami kandungan dan mengenal pasti nilai dalam bahan sastera dan bahan bukan sastera serta mempersembahkan karya sastera pada tahap kukuh.
5	Membaca, memahami kandungan dan mengenal pasti nilai dalam bahan sastera dan bahan bukan sastera serta mempersembahkan karya sastera pada tahap terperinci.
6	Membaca, memahami kandungan dan mengenal pasti nilai dalam bahan sastera dan bukan sastera serta mempersembahkan karya sastera pada tahap sangat terperinci, konsisten, dan menjadi model teladan.

3.0 KEMAHIRAN MENULIS

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
3.1 Asas menulis	<p>Murid boleh:</p> <p>3.1.1 Menulis secara mekanis;</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) perkataan (ii) ayat (iii) perenggan (iv) petikan
3.2 Menulis perkataan, frasa, dan ayat yang bermakna	<p>3.2.1 Membina dan menulis;</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) perkataan (ii) frasa (iii) ayat (iv) perenggan
	<p>3.2.2 Membina dan menulis jawapan pemahaman dengan berdasarkan soalan;</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) bertumpu (ii) bercapah
	<p>3.2.3 Menyusun dan mencatat maklumat yang bermakna tentang sesuatu perkara</p>
	<p>3.2.3 Menulis sesuatu yang diimplakkan;</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) perkataan (ii) frasa (iii) ayat

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
3.3 Menghasilkan penulisan	3.3.1 Menghasilkan penulisan naratif dan bukan naratif secara (i) separa terkawal (ii) berpandu
	3.3.2 Mengedit dan memurnikan hasil penulisan daripada aspek (i) ejaan (ii) tanda baca (iii) penggunaan kata

STANDARD PRESTASI KEMAHIRAN MENULIS	
TAHAP PENGUASAAN	PENYATAAN
1	Menulis secara mekanis, membina ayat, menulis jawapan pemahaman, mencatat maklumat, menulis secara imlak, menghasilkan penulisan, mengedit serta memurnikan hasil penulisan daripada aspek ejaan dan tanda baca pada tahap sangat terhad .
2	Menulis secara mekanis, membina ayat, menulis jawapan pemahaman, mencatat maklumat, menulis secara imlak, menghasilkan penulisan, mengedit serta memurnikan hasil penulisan daripada aspek ejaan dan tanda baca pada tahap terhad .
3	Menulis secara mekanis, membina ayat, menulis jawapan pemahaman, mencatat maklumat, menulis secara imlak, menghasilkan penulisan, mengedit serta memurnikan hasil penulisan daripada aspek ejaan dan tanda baca pada tahap memuaskan .
4	Menulis secara mekanis, membina ayat, menulis jawapan pemahaman, mencatat maklumat, menulis secara imlak, menghasilkan penulisan, mengedit serta memurnikan hasil penulisan daripada aspek ejaan dan tanda baca pada tahap kukuh .
5	Menulis secara mekanis, membina ayat, menulis jawapan pemahaman, mencatat maklumat, menulis secara imlak, menghasilkan penulisan, mengedit serta memurnikan hasil penulisan daripada aspek ejaan dan tanda baca pada tahap terperinci .
6	Membina ayat, menulis jawapan pemahaman, mencatat maklumat, menulis secara imlak, menghasilkan penulisan, mengedit dan memurnikan hasil penulisan pada tahap sangat terperinci, konsisten, dan menjadi model teladan .

4.0 ASPEK SENI BAHASA

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
4.1 Mengaplikasikan unsur keindahan dan kesantunan bahasa dalam bahan sastra.	Murid boleh: 4.4.1 Bercerita, dan menuturkan dialog yang mengandungi gaya bahasa yang indah; (i) simpulan bahasa dan bandingan semacam
4.2 Menghayati keindahan dan kesantunan bahasa dalam bahan sastra.	4.2.1 Melafazkan dan mengenal pasti ciri-ciri pantun; (i) pembayang dan maksud (ii) rima akhir dan jeda (iii) format penulisan
	4.2.2 Menyanyikan lagu dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai serta melakukan aksi mengikut lirik; (i) melodi lagu kanak-kanak (ii) melodi lagu rakyat
4.3 Menghasilkan bahan sastra dengan menyerapkan keindahan dan kesantunan bahasa serta mempersembahkannya secara kreatif.	4.3.1 Mencipta secara separa terkawal dan mempersembahkan: (i) pantun dua kerat (ii) pantun empat kerat
	4.3.2 Mempersembahkan cerita; (i) cerita haiwan (ii) cerita jenaka
	4.3.3 Mempersembahkan lagu; (i) kanak-kanak (ii) rakyat

CATATAN:

Dalam Aspek Seni Bahasa, pentaksiran kemahiran Mendengar dan Bertutur, Kemahiran Membaca atau Kemahiran Menulis juga boleh dilaksanakan. Walau bagaimanapun, proses pengajaran dan pembelajaran Aspek Seni Bahasa masih dilaksanakan dalam bentuk pendekatan modular.

5.0 ASPEK TATABAHASA

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
<p>5.1 Memahami fungsi dan menggunakan golongan kata mengikut konteks</p>	<p>Murid boleh:</p> <p>5.1.1 Memahami dan mengenal pasti penggunaan golongan kata mengikut konteks;</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) kata nama am (ii) kata nama khas (iii) kata ganti nama (iv) penjodoh bilangan
	<p>5.1.2 Memahami dan mengenal pasti penggunaan kata kerja mengikut konteks;</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) kata kerja aktif transitif (ii) kata kerja pasif
	<p>5.1.3 Memahami dan mengenal pasti penggunaan kata adjektif mengikut konteks.</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) sifat / keadaan (ii) warna (iii) bentuk (iv) waktu
	<p>5.1.4 Memahami dan mengenal pasti penggunaan kata tugas mengikut konteks;</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) kata hubung (ii) kata sendi nama (iii) kata arah (iv) kata tanya (v) kata perintah (vi) kata seru

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
5.2 Memahami dan menggunakan pembentukan kata mengikut konteks	5.2.1 Memahami dan mengenal pasti penggunaan kata mengikut konteks; <ul style="list-style-type: none"> (i) kata dasar (ii) kata tunggal (iii) kata berimbuhan awalan
	5.2.2 Memahami dan mengenal pasti penggunaan kata majmuk mengikut konteks.
	5.2.3 Memahami dan mengenal pasti penggunaan kata ganda mengikut konteks.
5.3 Memahami dan membina ayat mengikut konteks	5.3.1 Memahami dan mengenal pasti penggunaan ayat mengikut konteks; <ul style="list-style-type: none"> (i) pola ayat (ii) ayat penyata (iii) ayat tanya dengan kata tanya (iv) ayat perintah
	5.3.2 Memahami dan mengenal pasti penggunaan ayat mengikut konteks. <ul style="list-style-type: none"> (i) ayat dasar (ii) ayat tunggal (iii) ayat majmuk

CATATAN: Dalam Aspek Tatabahasa, pentaksiran kemahiran Mendengar dan Bertutur, Kemahiran Membaca atau Kemahiran Menulis juga boleh dilaksanakan. Walau bagaimanapun, proses pengajaran dan pembelajaran Aspek Tatabahasa masih dilaksanakan dalam bentuk pendekatan modular.

GLOSARI TAHAP SATU

Perkataan	Maksud Dalam Konteks Dokumen Standard
apresiasi	pengiktirafan dan penghayatan nilai sesuatu karya sastera atau karya seni
ayat songsang	susunan ayat yang berlawanan daripada pola biasa yang mana predikat mendahului subjek. (<i>rujuk tatabahasa dewan muka surat 436 – 437</i>)
ayat penyata	ayat yang diucapkan dengan maksud membuat satu pernyataan bertujuan untuk menyatakan atau memberikan keterangan tentang sesuatu hal
ayat perintah	ayat yang diucapkan dengan tujuan memberi suruhan, larangan, ajakan atau menyampaikan permintaan
ayat seruan	ayat yang diucapkan dengan membawa nada atau intonasi seruan untuk tujuan melahirkan suatu keadaan perasaan seperti terkejut, hairan, geram, seronok, sakit dan sebagainya
ayat tanya	ayat yang digunakan untuk tujuan menanyakan sesuatu hal atau berita dan berdasarkan nada suara serta penggunaan perkataan tertentu
bacaan mekanis	bacaan kuat yang mementingkan sebutan huruf dan bunyi dengan betul, membaca mengikut intonasi, nada dan tekanan yang betul. Bahan bacaan yang digunakan dalam bacaan mekanis terdiri daripada perkara yang mudah difahami dan tidak membebankan fikiran.

Perkataan	Maksud Dalam Konteks Dokumen Standard
bahan grafik	bahan yang memuatkan maklumat atau paparan yang terdiri daripada lukisan, gambar rajah, simbol dan lain-lain untuk menyatakan atau menyampaikan idea
bahan sastera	hasil karya tulisan dalam bentuk prosa atau puisi yang mempunyai ciri-ciri keistimewaan yang tertentu
bahasa kiasan	perkataan atau ungkapan yang digunakan dalam makna yang berlainan daripada makna sebenar atau makna biasa perkataan itu.
banding beza	melihat persamaan dan perbezaan antara dua benda
beradab	berbudi bahasa, bersopan
bertatasusila	adat sopan santun dan budi pekerti yang baik
diftong	gabungan dua bunyi vokal yang disebut dalam satu suku kata akibat perubahan kedudukan lidah seperti <i>ai (landai)</i> , <i>au (autograf)</i> , dan <i>oi (kaloi)</i>
digraf	dua huruf konsonan berturut-turut yang mewakili satu bunyi seperti <i>ng (ladang)</i> , <i>ny (nyanyi)</i> , <i>sy (syabas)</i> <i>kh (khabar)</i>
frasa	kumpulan kata yang membentuk unit-unit sintaksis sesuatu klausa
gerak laku	tingkah laku atau gerak geri, perbuatan atau kelakuan
gramatis	berasaskan atau mengikut prinsip-prinsip nahu atau tatabahasa
gurindam	bentuk puisi (terdiri daripada dua baris berisi dengan berbagai-bagai pengajaran)

Perkataan	Maksud Dalam Konteks Dokumen Standard
idea	buah fikiran, gagasan
Imaginatif	tercipta daripada daya khayalan dan imaginasi atau daya kreatif berasaskan khayalan
intonasi	turun naik atau tinggi rendah nada suara
idea tersirat	Idea yang terkandung atau tersembunyi
idea tersurat	idea yang telah ditulis, tertulis, tercatat
karangan berpandu	karangan berpandu ialah satu penulisan karangan berdasarkan panduan guru atau murid bebas mengeluarkan idea dengan panduan atau batasan yang diberi
karangan terkawal	karangan terkawal ialah segala isi dan bahasanya sedia terkawal oleh guru (<i>menurut Salleh Akib, 1975:135</i>) atau susunan dikawal ketat dan sedikit-sedikit dipimpin ke arah karangan bebas
kata adjektif sifat / keadaan	perkataan yang memberi pengertian sifat/keadaan sebagai unsur keternagan nama
kata ganda berentak	penggandaan kata dasar mengikut rentak bunyi tertentu dalam kata dasar itu, seluruh kata dasar digandakan dan bunyi-bunyi tertentu diulang atau diubah (vokal, pengulangan konsonan dan bebas)
kata ganda penuh	penggandaan keseluruhan kata dasar sama ada kata dasar itu mengandungi imbuhan ataupun tidak
kata ganda separa	penggandaan sebahagian kata dasar sahaja. Kata dasar boleh merupakan kata

Perkataan	Maksud Dalam Konteks Dokumen Standard
	tunggal ataupun kata terbitan
kata kerja aktif transitif	kata kerja yang tidak memerlukan penyambut atau objek sesudahnya
kata kerja pasif	kata kerja hasil daripada proses transformasi atau perubahan ayat aktif menjadi ayat pasif
kata perintah	kata yang menyuruh
kategori	bahagian dalam sesuatu sistem klasifikasi, kumpulan
kesantunan	perihal (sifat) santun, kesopanan, kehalusan (budi bahasa atau pekerti); baik dalam bahasa lisan atau pun tulisan.
konsisten	terus berpegang pada pendirian yang sama, tekal
konsonan	huruf selain vokal (b,d, k.....)
konsonan bergabung	dua huruf konsonan hadir berturut-turut dan mewakili satu bunyi seperti kr (ais krim) st (stor, stesen) bl (blok) dr (draf) br (brek)
konteks	keseluruhan keadaan atau latar belakang tertentu yang ada kaitannya atau dapat dihubungi dengan sesuatu.
kreatif	mempunyai kebolehan mengembangkan sesuatu idea
kritis	tidak dengan begitu sahaja menerima atau memersetujui sesuatu (menimbangkan buruk baiknya terlebih dahulu)
maklumat	makluman, pemberitahuan, pengumuman

Perkataan	Maksud Dalam Konteks Dokumen Standard
melafazkan	mengucapkan kata; perkataan; doa
memahami	tahu dan mengerti benar cara sebutan, intonasi, dan makna
memindahkan	mengubah bahasa sesuatu karangan dan lain-lain.
mempersembah	menyampaikan, mengatakan, menceritakan, mempertunjukkan, menghidangkan
memurnikan	membersihkan atau menulis semula perkataan, frasa atau ayat yang betul hasil daripada pengeditan
menaakul	hal membuat pertimbangan dan penilaian dengan menggunakan akal atau tinjauan akal atau membuat pertimbangan dengan logik
mengajuk	meniru tingkah laku seseorang, mengejek
menganalisis	penyelidikan atau penghuraian sesuatu seperti keadaan, masalah, persoalan untuk mengetahui pelbagai aspeknya
mengaplikasi	menggunakan secara praktik atau amali
mengecam	kenal atau ingat sesuatu yang dilihat dan didengar
mengedit	menyunting atau menandai kesalahan pada perkataan, frasa atau ayat
mengelas	membahagi-bahagikan atau mengasing-asingkan kepada berbagai-bagai golongan
mengenal pasti	mengetahui serta menentukan, mengetahui sehingga dapat menyatakan dengan pasti

Perkataan	Maksud Dalam Konteks Dokumen Standard
menghayati	mengalami dan merasai /dalam batin, meresapkan ke dalam jiwa.
mengimlak	menyebut atau membaca supaya ditulis oleh orang lain
mengujarkan	mengucapkan, menuturkan atau menyebutkan
menterjemah	memindahkan daripada suatu bahasa ke bahasa yang lain, mengalihbahasakan
menyerapkan	memasukkan sesuatu benar-benar ke dalam hati/badan; menggabungkannya dengan yang lain.
naratif	cerita peristiwa atau pengalaman
pancaindera	deria atau alat perasa yang lima (deria rasa, deria bau, deria dengar, deria lihat, deria sentuh)
pemajmukan	proses yang berlaku apabila dua kata dasar atau lebih dirangkaikan dan rangkai kata yang terhasil membawa makna yang khusus
perasaan	perihal merasa dalam hati atau batin, hasil atau perbuatan merasa dalam hati atau batin, sentimen suka, minat, ingin tahu
pesanan	sesuatu yang dipesan
ramalan	sesuatu yang diramalkan, telahan, dugaan, tekaan
respons	reaksi
sebutan	apa yang disebut atau cara melafazkan
soalan bercapah	soalan yang berpecah daripada sesuatu tumpuan

Perkataan	Maksud Dalam Konteks Dokumen Standard
soalan bertumpu	soalan yang memerlukan jawapan yang bersifat objektif dan dinyatakan dalam teks
suruhan	sesuatu yang disuruh, perintah
syair	karangan bersajak (tiap-tiap rangkap terdiri daripada empat baris yang sama bunyi hujungnya)
tekal	tidak berubah-ubah halnya atau keadaannya, tetap, konsisten, selaras sepanjang masa, teguh, tetap berpegang pada pendirian
terperinci	telah dihuraikan sepenuhnya
tulisan mekanis	menulis abjad, suku kata, perkataan dan ayat tanpa perlu banyak berfikir dan meniru atau menyalin sahaja
vokal	huruf hidup atau huruf saksi (a,e,ê,i,o,u)
vokal berganding	gabungan dua vokal yang membentuk suku kata yang berlainan seperti sukai, daun, lain, sains, biola, buaya, buah, piano

PANEL PENGGUBAL

1.	Mazlan bin Ismail	Bahagian Pembangunan Kurikulum
2.	Yatimah binti Muji	Bahagian Pembangunan Kurikulum
3.	Chin Fong Phin	Bahagian Pembangunan Kurikulum
4.	Mohamad Shuhaimi bin Sabarudin	Bahagian Pembangunan Kurikulum
5.	Dr. Hajah Maridah binti Alias	IPG Kampus Bahasa Melayu, Kuala Lumpur
6.	Dr. Haji Md Sabri bin Che Man	IPG Kampus Bahasa Melayu, Kuala Lumpur
7.	Hamidah binti Abd Hamid	IPG Kampus Bahasa Melayu, Kuala Lumpur
8.	Wan Mardziah binti Wan Hasbullah	IPG Kampus Bahasa Melayu, Kuala Lumpur
9.	Zainiyah binti Md Zain	IPG Kampus Bahasa Melayu, Kuala Lumpur
10.	Hasnah binti Mohd Saleh	IPG Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur
11.	Hayati binti Mat Yusof	IPG Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur
12.	Zarina binti Ahmad	IPG Kampus Pendidikan Islam, Bangi, Selangor
13.	Dr. Faiziah Haji binti Shamsudin	IPG Kampus Raja Melewar, Negeri Sembilan
14.	Badrul Hisham bin Ghazali	IPG Kampus Raja Melewar, Negeri Sembilan
15.	Datin Mastura binti Mohamed Berawi	IPG Kampus Raja Melewar, Negeri Sembilan
16.	Sardi bin Ahmad	IPG Pendidikan Teknik, Kompleks Pendidikan Nilai, Negeri Sembilan
17.	Dr. Muhammad Saiful Haq bin Hussin	Universiti Malaya
18.	Dr. Azhar bin Sabil	Universiti Putra Malaysia
19.	Prof Dr.Mahzan bin Arshad	Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak
20.	Ong Li Choo	Pejabat Pendidikan Wilayah Bangsar dan Pudu, Kuala Lumpur
21.	Mohd Pauzi bin Ab Raof	Pejabat Pendidikan Daerah Hulu Langat, Selangor

- | | | |
|-----|---------------------------|--|
| 22. | Amran bin Bakar | Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan |
| 23. | Dr. Norhana binti Bakhary | Pejabat Pendidikan Daerah Seremban, Negeri Sembilan |
| 24. | Rahmat bin Ibrahim | Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan |
| 25. | Salmah binti Ab. Wahid | Pejabat Pendidikan Daerah Jempol dan Jelebu, Negeri Sembilan |
| 26. | Fadhilah binti Embi | Pejabat Pendidikan Daerah Melaka Tengah, Melaka |
| 27. | Norliza binti Abu Bakar | Pejabat Pendidikan Daerah Muar, Johor |
| 28. | Norfaizah binti Ahmad | SK Bukit Beringin, Masjid Tanah, Melaka |
| 29. | Rohana binti Othman | SK Kg Jawa 2, Klang, Selangor |
| 30. | Roslina binti Othman | SK Puchong Indah, Puchong, Selangor |
| 31. | Yahya bin Mohamad | SK Sawah Raja, Rembau, Negeri Sembilan |
| 32. | Shafri bin Johari | SK Semenyih, Selangor |
| 33. | Suzanna binti Sahri | SK Taman Seri Pagi, Seremban, Negeri Sembilan |
| 34. | Mat Ariffin bin Ismail | SJKC Batang Kali, Selangor |
| 35. | Mohd Jamil bin Ismail | SJKC Rasa, Selangor |

TURUT MENYUMBANG

- | | | |
|-----|-----------------------------|--|
| 36. | Tuan Zainab binti Wi | IPG Kampus Bahasa Melayu, Kuala Lumpur |
| 37. | Hasmy binti July | SJK C Kwong Hon, Sungai Besi, Kuala Lumpur |
| 38. | Ang Chia Fong | SJK C Lih Jen, Melaka |
| 39. | Azlina binti Ibrahim Laster | SJKC Sam Tet, Ipoh, Perak |
| 40. | Eh Sai a/l Eh Kang | SJK C Sungai Chua, Kajang, Selangor |
| 41. | Kunthavi a/p Gopal | SJKT Taman Melawati, Kuala Lumpur |

PENGHARGAAN**Penasihat**

- | | |
|-----------------------------|---------------------|
| Dr. Sariah binti Abd. Jalil | - Pengarah |
| Shamsuri bin Sujak | - Timbalan Pengarah |
| Datin Dr. Ng Soo Boon | - Timbalan Pengarah |

Penasihat Editorial

- | | |
|----------------------------------|----------------|
| Dr.A'azmi bin Shahri | - Ketua Sektor |
| Haji Naza Idris bin Saadon | - Ketua Sektor |
| Mohamed Zaki bin Abd. Ghani | - Ketua Sektor |
| Hajah Chettrilah binti Othman | - Ketua Sektor |
| Zaidah binti Md. Yusof | - Ketua Sektor |
| Mohd. Faudzan bin Hamzah | - Ketua Sektor |
| Dr.Rusilawati binti Othman | - Ketua Sektor |
| Mohamed Salim bin Taufix Rashidi | - Ketua Sektor |



Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 4-8 Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E
62604 Putrajaya
Tel: 03-8884 2000 Fax: 03-8888 9917
<http://www.moe.gov.my/bpk>